

# Isu lantikan guru besar Sekolah Cina dirunding melalui BN

UM 8 OCT 1987

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa isu mengenai perlantikan guru besar sekolah Cina akan diselesaikan secara perbincangan melalui Barisan Nasional.

Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan perkara itu untuk diselesaikan oleh Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dan Presiden MCA Datuk Dr. Ling Liong Sik.

Ditanya apakah maksud Datuk Dr. Ling bahawa isu tersebut akan diatasi melalui "mekanisme Barisan," Perdana Menteri menamb-

bah: "Mekanisme Barisan bermakna bercakap di dalam lingkungan Barisan Nasional dan bukan kepada akhbar.

"Kalau nak tahu lebih lanjut apa maksud Dr. Ling kena tanya dia."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditemui selepas beliau menghadiri jamuan makan tengah hari di Hotel Equatorial hari ini.

Apabila didesak sama ada penyelesaian kontroversi itu akan dibuat dalam bentuk perundangan, beliau mengiakkannya tetapi enggan mengulas sama ada sebarang jawatankuasa rasmi akan ditubuhkan untuk tujuan tersebut.

## Bantahan

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Encik Anwar tidak memberi taklimat kepada kabinet mengenai isu tersebut dalam mesyuaratnya hari ini.

Katanya, kabinet juga tidak membincang soal itu.

Isu itu timbul ekoran bantahan MCA kerana beberapa orang guru besar dan guru penolong kanan yang dilantik memegang jawatan di sekolah rendah kebangsaan Cina tidak mempunyai pendidikan Cina.

Sementara itu Datuk Sri Dr. Mahathir ketika ditemui enggan mengulas mengenai perkembangan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Khas UMNO yang bertanggungjawab menyelesaikan di luar mahkamah kes kesahihan pemilihan UMNO.

Menurutnya, semua pertanyaan mengenai jawatankuasa itu hendaklah ditujukan kepada Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid. Jawatankuasa berkenaan malam ini mengadakan mesyuarat keduanya untuk membincang perkembangan lanjut.